



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
Lot 36, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor
MALAYSIA

No. Telefon : 03 - 7883 5400
No. Faksimili : 03 - 7956 2924
Portal Rasmi : <http://www.npra.moh.gov.my>
E-mel Rasmi : npra@npra.gov.my

Ruj Kami : NPRA.600-2/5/2 Bil.(26)

Tarikh : 17 Jun 2021

Pengarah
MyTEST Lab Sdn Bhd
A-3-G, Blk. A, Putra Walk,
Jalan PP 25, Taman Pinggiran Putra,
Sek.2, Bandar Putra Permai,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan/ Puan,

PENGIKTIRAFAN MAKMAL SWASTA OLEH BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA (NPRA), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) BAGI PERKHIDMATAN ANALISIS PRODUK TRADISIONAL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan NPRA **bersetuju memberi pengiktirafan** kepada makmal tuan bagi tujuan analisis produk tradisional untuk **tempoh 3 tahun iaitu dari 26 Jun 2021 sehingga 25 Jun 2024**. Skop analisis yang diiktiraf oleh NPRA adalah terhad kepada ujian-ujian yang disenaraikan dalam Lampiran 1.
3. Pihak makmal perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh NPRA di dalam versi terkini Garis Panduan Pengiktirafan Makmal Swasta oleh NPRA, KKM bagi Perkhidmatan Analisis Produk Tradisional yang boleh didapati di laman sesawang NPRA.
4. Untuk makluman pihak tuan, NPRA boleh menjalankan pemeriksaan verifikasi ke atas makmal yang telah diiktiraf pada bila-bila masa yang diperlukan. NPRA berhak menarik balik pengiktirafan ini sekiranya pihak makmal gagal mematuhi syarat yang ditetapkan atau didapati prestasi makmal adalah tidak memuaskan.
5. Sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam mana-mana aspek seperti di bawah yang terlibat secara langsung dengan analisis produk tradisional bagi ujian-ujian yang diiktiraf, pihak makmal perlu memaklumkan kepada NPRA dalam tempoh 14 hari dari tarikh pindaan dibuat :

- i. Lokasi premis
- ii. Fasiliti makmal
- iii. Personel makmal
- iv. Peralatan makmal
- v. Tatacara pengujian
- vi. Pensijilan / akreditasi ISO

6. Bagi memastikan makmal tuan terus mendapat pengiktirafan oleh NPRA, pihak tuan perlu mengemukakan permohonan untuk pembaharuan pengiktirafan **selewat-lewatnya 6 bulan sebelum tamat tempoh**. Sekiranya tiada permohonan diterima oleh NPRA, makmal tuan akan dikeluarkan dari senarai Makmal Swasta yang Mematuhi Keperluan NPRA bagi Pengujian Produk Tradisional dalam tempoh 24 jam selepas tamat tempoh. Senarai makmal yang masih sah laku pengiktirafan oleh NPRA untuk analisis produk tradisional boleh didapati di laman sesawang NPRA (<https://www.npra.gov.my/>).

7. Pihak tuan diminta untuk mengisi **Surat Persetujuan Penerimaan** dan dikembalikan kepada pihak NPRA dengan kadar segera bagi tindakan selanjutnya.

8. Sekiranya pihak tuan memerlukan sebarang maklumat tambahan, sila kemukakan emel kepada gcpanel@npra.gov.my atau berhubung dengan pegawai-pegawai berikut:


- i. Pn. Tan Shiau Yi [Emel: tsy@npra.gov.my atau 03-78018534]
- ii. Pn. Tan Shih Leng [Emel: tsleng@npra.gov.my atau 03-78018538]

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ROSILAWATI BINTI AHMAD) RPH. 1413

Timbalan Pengarah

b.p Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara

Kementerian Kesihatan Malaysia

njj/tsy

✉ tsy@npra.gov.my

☎ +603 – 78018512/8534

☎ +603 – 79567075